

MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGONG KRUMS 2008
24 November 2008 (Isnin), 9.00 Pagi
GALERI UMS.

Bismilahirrahmanirahim.....

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera
Terimakasih saudara pengacara majlis,

Yang berbahagia para Pegawai Utama universiti,
Para Dekan, Pengarah,
Para Pegawai Kanan Universiti
Pemangku Presiden KRUMS dan AJK KRUMS sesi 2007/08
Ahli-Ahli Jawatankuasa Perlaksana Mesyuarat Agung KRUMS 2008
Ahli-Ahli KRUMS/Tuan/Puan/Saudara/Saudari Sekalian,

1. Syukur ke hadzrat illahi kerana dengan izin-Nya jua, maka kita dapat berkumpul dalam majlis perasmian Mesyuarat Agung KRUMS 2008 ini pada pagi ini. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan majlis pada pagi ini.

SEJARAH PENUBUHAN

2. Kita sedia maklum bahawa KRUMS atau dikenali sebagai Kelab Rekreasi UMS telah ditubuhkan kira-kira 2 tahun selepas UMS ditubuhkan pada 24 November 1994. KRUMS telah mula beroperasi dengan rasminya pada 27 Februari 1998, dan presiden pertama KRUMS ketika itu ialah Prof Madya Hj Inon Shahrudin (1998-2003) dan selepas itu, presiden KRUMS yang kedua ialah En Hela Ladin Mohd Dahalan (2003-2007). Dan sekarang ini presiden KRUMS di pangku oleh Prof Madya Dr Shariff AK Omang (2007-2008) kerana, mantan Presiden, En Hela Ladin telah bersara wajib. Kita ucapkan tahniah dan syabas kepada semua mantan-mantan presiden KRUMS dan AJK KRUMS atas sumbangan dan jasa bakti mereka.

OBJEKTIF

3. KRUMS merupakan kelab atau badan sukarelawan yang penting sebagai platform dalam menggerakkan kegiatan yang berbentuk rekreasi, sukan, sosial dan kebajikan. Di samping itu ianya menjadi wadah bagi mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan, persahabatan dan persaudaraan di antara warga UMS khususnya dan dengan masyarakat luar pada amnya. Justeru itu, dengan adanya kegiatan yang dianjurkan oleh KRUMS sudah pasti sedikit sebanyak dapat memberi impak positif kepada pembangunan dan perkembangan

organisasi serta individu itu sendiri.

4. Ini adalah selaras dengan elemen-elemen yang terkandung dalam 8 tonggak UMS, antaranya nilai integriti, menghormati, profesionalisme, tanggungjawab sosial, kreativiti, inovasi, nilai jati diri dan lain-lain lagi.

5. Selain daripada memperkukuhkan aspek pengurusan / pentadbiran, nilai dan budaya kerja dalam berpasukan (Team work /Team spirit), elemen-elemen ini secara tidak langsung dapat diterapkan bagi menggerakkan usaha mencapai kecemerlangan sesebuah organisasi. Berfikiran positif dan hormat-menghormati rakan sejawatan atau rakan sepasukan adalah di antara elemen atau teras utama dalam usaha melahirkan modal insan yang berkualiti dan sempurna.

6. Selain itu, melalui kegiatan yang dianjurkan oleh KRUMS akan dapat mencungkil bakat, minat dan secara tidak langsung dapat melahirkan jaguh-jaguh sukan yang boleh ditonjolkan ke tahap yang lebih tinggi serta dapat memupuk semangat kesukarelawan dan nilai jati diri yang tinggi. Tentu sahaja melalui aktiviti kesukanan dan rekreasi itu akan dapat melahirkan insan yang sihat (dari segi akal fikiran, fizikal dan jiwa / emosi yang bersih dan tulus ikhlas), cergas, cerdas, ceria dan mesra tingkah lakunya.

7. Sehubungan itu, KRUMS perlu merancang dan melaksanakan kepelbagaian aktiviti sama ada dalam bentuk penganjuran KRUMS sendiri atau berkerjasama dengan badan-badan pertubuhan / kelab di luar UMS, secara penganjuran bersama atau pun melalui aktiviti berbentuk kemasyarakatan. Ini secara tidak langsung dapat merapatkan lagi UMS dengan masyarakat umum dan juga masyarakat antarabangsa.

AKTIVITI

8. Saya dimaklumkan bahawa beberapa aktiviti yang pernah dijalankan atau dikelolakan oleh KRUMS, antaranya ialah Kejohanan Golf antara IPTA (Intervarsity Golf Tournament), Karnival sukan 4 penjuru,, Kejohanan Golf Canselor sempena Konvokesyen, Kejohanan golf antara KRUMS dan IPD Tuaran, KRUMS selaku penganjur sukan Staff dan juga penganjuran bengkel Sains Sukan.

Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada KRUMS atas kejayaan mengadakan aktiviti-aktiviti tersebut. Adalah diharapkan KRUMS akan terus melipatgandakan lagi usaha dalam penganjuran kepelbagaian aktiviti rekreasi, sukan dan lawatan-lawatan yang bersesuaian

KEAHLIAN DAN YURAN KRUMS

9. Seperkara yang mungkin perlu diteliti, adalah berkaitan dengan Keahlian KRUMS. Dimana bilangan keahlian perlu dipertingkatkan atau ditambah lagi. Oleh itu, pihak KRUMS perlu memikirkan kaedah atau langkah-langkah untuk meningkatkan bilangan ahlinya. Faktor-faktor yang boleh menjadi daya tarikan menjadi ahli KRUMS perlu difikirkan. Ini kerana dengan adanya insentif atau kemudahan-kemudahan yang diberikan akan sedikit sebanyak memberi galakan, dan menarik minat lebih ramai lagi kakitangan untuk menyertai KRUMS.

10. Satu langkah yang boleh menambah bilangan keahliannya ialah dengan membuka keahlian kepada Alumni UMS. Begitu juga kepada kakitangan UMS yang memegang jawatan kontrak / sambilan atau kepada staf UMS yang sudah bersara. Ini kerana, pertambahan bilangan ahli dalam KRUMS akan memberi sumbangan kepada sumber kewangan KRUMS melalui bayaran yuran keahlian. Justeru itu, kepada AJK KRUMS, opsyen-opsyen ini bolehlah dibincangkan.

PENUTUP

11. Akhir kata, saya mengharapkan agar Ahli-Ahli Jawatankuasa KRUMS yang akan dipilih nanti, akan berusaha meningkatkan kemajuan KRUMS di masa akan datang. Saya dan pihak pengurusan UMS akan terus memberikan kerjasama dan sokongan bagi memajukan mana-mana badan / kelab / persatuan / kesatuan yang berdaftar dengan UMS dan agensi kerajaan demi untuk kebaikan UMS. Marilah kita semua bersatu tenaga dan usaha untuk sama-sama membina kecemerlangan, sesuai dengan motto BERTEKAD CEMERLANG UMS.

12. Sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terimakasih kepada Ahli-ahli KRUMS Sesi 2007/2008 yang memberi sumbangan bakti, kepada semua yang hadir pada pagi ini bagi menjayakan Mesyuarat Agong KRUMS 2008.

Selamat Bersidang!

Dengan lafaz Bismillahir Rahmannir Rahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Mesyuarat Agong KRUMS tahun 2008.

Sekian. Terimakasih.